

20/10/2001

`Belanjawan agresif, berani'

M Noh Senan; Fazallah Pit; Maznah Darus; Rahman Hashim  
PEMIMPIN negeri menyifatkan Belanjawan 2002 sebagai agresif, berani, positif, seimbang dan mampu merangsang pertumbuhan negara serta menghadapi kelembapan ekonomi dunia.

Di SHAH ALAM, Menteri Besar Selangor, Datuk Seri Dr Mohamad Khir Toyo, menyifatkan Belanjawan 2002 sebagai agresif dan berani untuk menghadapi keadaan sukar.

Beliau berkata demikian kerana kenaikan gaji dan bonus, pemberian subsidi tetap diteruskan ketika negara lain takut berbuat demikian berikutan kemelesetan ekonomi dunia.

Katanya, belanjawan ini akan menggalakkan rakyat berbelanja bagi membolehkan ekonomi bergerak.

"Belanjawan kali ini juga dijangka dapat merapatkan jurang antara golongan kaya dan kurang berkemampuan," katanya.

"Walaupun harga petrol naik 10 peratus, ia masih murah berbanding banyak negara lain di dunia tetapi peniaga diharapkan jangan mengambil kesempatan menaikkan harga barang mereka.

Sambil menyifatkan belanjawan itu sebagai bersifat penyayang, beliau berkata, peruntukan sejumlah RM294.6 juta bagi pembangunan Islam menunjukkan Malaysia adalah sebuah negara Islam.

Di GEORGETOWN, Ketua Menteri, Tan Sri Dr Koh Tsu Koon, menyifatkan Belanjawan 2002 sebagai menyeluruh dan amat memberangsangkan serta menyuntik semangat rakyat.

"Sebagai negeri yang berasaskan industri, Pulau Pinang bertuah kerana adanya insentif untuk mempromosi industri kecil dan sederhana khususnya dalam Pengurusan Rangkaian Perbekalan membabitkan barangan elektronik dan jentera automasi," katanya.

Koh mengucapkan terima kasih kepada Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, kerana meluluskan geran RM5 juta untuk membiayai projek Rosetta.net yang akan dilancarkan akhir tahun ini.

"Kami juga menyokong usaha untuk mempromosikan pelancongan dengan pemberian insentif kepada sektor perkhidmatan termasuk pengusaha restoran dan hotel," katanya.

Koh turut melahirkan keyakinannya bahawa belanjawan berkenaan juga akan membantu mereka yang berpendapatan rendah, khususnya penduduk di luar bandar.

Di MELAKA, Ketua Menteri, Datuk Seri Mohd Ali Rustam, menganggap belanjawan kali ini adalah belanjawan positif dan seimbang dalam usaha kerajaan mengukuhkan pembangunan ekonomi negara.

Katanya, kerajaan negeri mengalukan tumpuan terhadap pembangunan sektor perkhidmatan, khususnya sektor pelancongan yang diperuntukkan RM613.9 juta, dan daripada jumlah itu, RM200 juta dikhaskan untuk promosi pelancongan.

Mohd Ali berkata, walaupun suasana ekonomi di Amerika Syarikat dan Jepun menyebabkan pertumbuhan ekonomi dunia tidak menentu, beliau yakin belanjawan 2002 dapat membuktikan bahawa ekonomi Malaysia masih kukuh.

DI SEREMBAN, Menteri Besar, Tan Sri Mohd Isa Abdul Samad, menyifatkan pelbagai langkah fiskal yang diambil kerajaan dalam belanjawan itu dapat merangsang ekonomi walaupun suasana muram dalam ekonomi dunia.

"Unjuran pencapaian ekonomi tidaklah begitu tinggi, tetapi ia tidak menjejaskan pembangunan yang dirancang untuk memajukan negara bagi faedah rakyat.

"Namun, kerajaan menyediakan peruntukan dalam usaha meningkatkan bidang latihan dan pembangunan sumber manusia bagi meningkatkan kemahiran teknikal dan teknologi," katanya.

(END)